

26 MAR 1997

PEJABAT PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN TELITI LAPORAN ISU BALAK

KOTA KINABALU, 26 Mac (Bernama) -- Pejabat Peguam Kanan Persekutuan di sini sedang meneliti laporan hasil siasatan polis berhubung kes penyeludupan balak di negeri ini.

Peguam Kanan Persekutuan Nurcahaya Haji Arshad hari ini berkata keputusan berhubung perkara itu dijangka dapat diketahui dalam bulan ini juga.

"Tunggulah," kata beliau kepada pemberita ketika ditanya sama ada terdapat kes untuk membawa perkara itu ke mahkamah.

Nurcahaya yang ditemui pemberita ketika hadir pada perasmian ekspo pameran perusahaan Jabatan Penjara Malaysia Sabah di sini bagaimanapun enggan mengulas lebih lanjut.

Semalam Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Maizan Shaari berkata polis telah selesai menjalankan siasatan berhubung kes itu dan telah menyerahkan kertas siasatan kepada pejabat peguam kanan persekutuan untuk diteliti.

Siasatan berhubung kes itu dilancarkan berikutan penahanan 3,049 balak di Tawau pada 18 Jan lepas kerana disyaki cuba dieksport dari negeri ini tanpa kebenaran.

Selain polis, Badan Pencegah Rasuah juga telah diminta menyiasat perkara itu manakala satu jawatankuasa tertinggi peringkat negeri ditubuhkan bagi menyiasat perkara yang sama dan telah menyerahkan laporan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim. -- BERNAMA

JS NMO